

Pelajar cuba padam kebakaran

Empat bilik asrama lelaki pusat tahfiz musnah terbakar

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG - Dua pelajar Pusat Pengajian dan Tahfiz Nur Al-Quran, Batu 4, Jalan Genting, Rantau Panjang bertindak cuba memadamkan kebakaran namun gagal sebelum berlari keluar menyelamatkan diri.

Ahmad Ammar Rasyid Norhisham, 15, berkata, dia dan Mohd Haziq Hafizi Baharuddin, 14, mulanya berunding menyiram air ke bahagian bilik yang terbakar bagaimanapun gagal kerana api semakin marak.

"Mudir mendesak kami keluar menyelamatkan diri kerana asap semakin tebal.

"Bimbang dengan keselamatan diri, kami berdua bergegas turun ke tingkat bawah," kata-

nya kepada *Sinar Harian* di lokasi kejadian.

Dalam kejadian jam 2.30 petang semalam, empat bilik asrama pelajar lelaki Pusat Pengajian dan Tahfiz Nur Al-Quran, Jalan Genting, Rantau Panjang, terbakar musnah terbakar.

Bilik yang berada di tingkat satu itu menempatkan 25 pelajar lelaki berusia antara 10 hingga 19 tahun.

Sebelum kejadian itu, menurutnya, semua pelajar berada di dalam kelas di tingkat bawah asrama untuk bersiap-siap memulakan kelas al-Quran.

"Ketika bersiap-siap terdapat pelajar perempuan yang menghuni asrama belakang datang dan memaklumkan kepada kami nampak asap dari arah asrama.

"Saya dan Haziq bergegas ke atas manakala pelajar lain ada yang mengangkat air untuk bantu kami padam kebakaran," katanya.

Pada masa sama, katanya, penduduk ber-



Bahagian asrama pelajar lelaki di tingkat satu yang terbakar.

hampiran yang menyedari kejadian itu juga bertindak mengeluarkan tong gas di dapur.

"Kami semua sempat keluar menyelamatkan diri dan menyaksikan api marak membakar kesemua bilik asrama di tingkat satu itu," katanya. Difahamkan, pusat tahfiz itu su-

dah beroperasi di tapak berkenaan sejak kira-kira empat tahun lalu.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Ahran, berkata api dapat dipadamkan kira-kira 20 minit selepas pihaknya tiba di lokasi jam 2.45 petang.

"Kebakaran itu berpunca dari bilik tengah sebelum ia merebak ke bilik lain.

"Semua bilik di tingkat atas musnah sepenuhnya," katanya.

Jelasnya lagi, punca kejadian masih dalam siasatan serta anggaran kerugian masih belum diketahui.



AHMAD AMMAR RASYID